

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBU313 - Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Perbandaran

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan sahaja.

1. Pada 1 Julai 1965, satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Senator Datuk Athi Nahappan. Berdasarkan laporan siasatan Suruhanjaya ini, satu proses penyusunan semula kerajaan tempatan telah dilaksanakan.
 - a) Mengapakah Suruhanjaya Siasatan Diraja ini ditubuhkan?
 - b) Apakah kesan proses penyusunan semula tersebut terhadap struktur dan sistem kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia?

(100 markah)

2. Aktiviti penjajaan merupakan satu fenomena biasa di semua bandar di Malaysia. Walaupun semua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai undang-undang kecil untuk mengawal aktiviti penjajaan namun jumlah penjaja tetap meningkat setiap tahun.
 - a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan bilangan penjaja semakin bertambah?
 - b) Apakah masalah yang selalu dikaitkan dengan kewujudan penjaja di bandar? Bincangkan dan beri contoh-contoh yang sesuai.

(100 markah)

3. Pada Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan 2004, semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia telah disarankan supaya mempertingkatkan pengurusan kewangan bagi mengatasi masalah kewangan yang sering mereka alami.
 - a) Jelaskan sumber-sumber pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.
 - b) Apakah masalah kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini?

(100 markah)

4. Semua Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini mempunyai undang-undang serta undang-undang kecil untuk mengawal kebersihan di bandar masing-masing. Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan juga telah mengamalkan konsep 'Kitar Semula' sebagai strategi pengurusan sisa pepejal jangka panjang.
 - a) Adakah undang-undang berkaitan kebersihan ini dipatuhi oleh masyarakat awam di bandar? Bincangkan dan beri contoh-contoh yang sesuai.
 - b) Bagaimanakah sambutan masyarakat di negara ini terhadap 'Kempen Kitar Semula'?

(100 markah)

5. Laporan Athi Nahappan 1968 telah menyatakan beberapa kelemahan yang wujud dalam sistem kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia termasuklah masalah kakitangan kerajaan tempatan.
- a) Apakah masalah utama berkaitan sumber manusia yang dihadapi oleh kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan laporan tersebut?
 - b) Sudahkah masalah tersebut diatasi sepenuhnya? Bincangkan.
- (100 markah)
6. “Agenda 21” merupakan pelan tindakan antarabangsa ke arah pembangunan mampan sedunia dan ianya telah dipersetujui pada tahun 1992 di Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil.
- a) Jelaskan maksud dan kepentingan konsep pembangunan mampan.
 - b) Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan “Agenda Tempatan 21” khususnya di dalam proses perancangan dan pembangunan bandar di Malaysia?
- (100 markah)